

MAKLUMAN KELAS AGAMA DEWASA

Permohonan adalah dibuka kepada sesiapa yang berminat **Lelaki dan Wanita** warganegara Malaysia untuk memohon bagi mengikuti pengajian **Kelas Agama Dewasa** anjuran Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Sarawak bagi kemasukan tahun **2012**.

1. MATA PELAJARAN:-

1. Al-Quran
2. Fiqh
3. Hadith
4. Aqidah Islam
5. Bahasa Arab
6. Fiqhud Dakwah (Tahun 3)

2.WAKTU DAN KEKERAPAN BELAJAR:-

Lelaki:

1. Diadakan **TIGA** kali seminggu (Isnin Selasa dan Rabu)
2. Masa : 7.00 malam hingga 9.30 malam

Wanita:

1. Hari **Sabtu** sahaja
2. Masa : 8.30 pagi hingga 11.30 pagi

3.TEMPAT:-

Medan Hamidah, Jalan Bako Petra Jaya Kuching

4.KEHADIRAN:-

Semua pelajar yang mengikuti kelas **DIHARAP** dapat menghadiri kelas setiap waktu mengikut jadual. Kehadiran adalah dicatat.

5.Sijil akan dikeluarkan setelah LULUS ujian tahun AKHIR.

6. YURAN:-

- 6.1. Yuran Pendaftaran: RM20.00 (dibayar semasa pendaftaran)
- 6.2. Yuran Bulanan : RM10.00 (dibayar kepada **KETUA KELAS** setiap bulan)

7.BUKU / KITAB PELAJARAN

Setiap pelajar diminta membeli buku/kitab yang digunakan.

8.TARIKH PERMULAAN PROGRAM:-

30 Januari 2012 (Isnin)

9.CARA MEMOHON:-

9.1.Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan yang disediakan oleh Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Sarawak.

9.2.Borang Permohonan boleh diperolehi dengan mengambil sendiri di Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Sarawak.

9.3.Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke:

**Tingkat 3, Bahagian Pendidikan
Jabatan Agama Islam Sarawak
Anjung Kiri, Bangunan Mahkamah Syariah Sarawak
Jalan Satok Kuching.**

Telefon : 082-423066(*Ustaz Sjam'un Sjahid @ Ustazah Halimatussa'diah Haji Deris*)